



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)
DEPUTY SECRETARY GENERAL (FINANCE)

Kementerian Kesihatan Malaysia
Ministry of Health Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2542
Faks: 03-8890 5799

Ruj. Kami : (47)KKM.400-8/1/89.Jld.13
Tarikh : / September 2020

TINDAKAN SERTA MERTA

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Semua Pengarah Institusi
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg.Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan,

PENGECUALIAN CAJ KUARANTIN BAGI *PERSON UNDER SURVEILLANCE* (PUS) DI STESEN KUARANTIN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg.Datuk / Dato' / Datin / Dr. / tuan / puan, Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan Dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin)(No. 2) 2020 telah diwartakan berkuatkuasa pada 24 Julai 2020. Kerajaan telah mewajibkan semua individu yang memasuki Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) menjalani kuarantin wajib selama empat belas (14) hari dengan kos kuarantin ditanggung sepenuhnya oleh individu-individu tersebut. Bagi *Person Under Surveillance* (PUS) yang ditempatkan di Institut Latihan Awam (ILA), kutipan bayaran bagi PUS adalah tertakluk kepada kadar sebagaimana dinyatakan pada surat edaran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 12 Ogos 2020.

3. Perenggan 3 pada Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan Dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin) (No. 2) 2020 menyatakan pengecualian kos kuarantin yang diberikan kepada kumpulan individu seperti di bawah:

- (i) Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];
- (ii) Warganegara Malaysia daripada golongan B40;
- (iii) Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri atau anak yang berumur 18 tahun ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan B40 yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan B40 itu;
- (iv) Pelajar yang merupakan warganegara Malaysia daripada golongan B40;
- (v) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur enam tahun dan ke bawah;
- (vi) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur dua belas tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri; dan
- (vii) Warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia sebaik sahaja dibebaskan dari penjara di luar negara yang tidak mampu membayar kos dan perbelanjaan di stesen kuarantin atau tiada pendapatan.

4. Selain daripada kumpulan individu yang diberi pengecualian seperti di perenggan 3 di atas, mana-mana individu yang telah melengkapkan tempoh kuarantin melebihi 14 hari (bagi kes melibatkan pemanjangan tempoh kuarantin seperti mengenakan tempoh kuarantin dan menunggu keputusan ujian Covid-19) tidak akan dikenakan caj kuarantin tambahan.

5. PUS yang tergolong dalam kategori di perenggan 3 perlu mengemukakan dokumen sokongan kepada petugas di stesen kuarantin untuk disahkan. Garis Panduan Bagi Permohonan Pengecualian Kos Kuarantin Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah seperti dilampirkan. Bayaran balik kepada PUS yang boleh diberi pengecualian juga perlu dilaksanakan sekiranya PUS telah pun membuat bayaran berkaitan mengikut prosedur bayaran balik hasil di bawah AP 87 (b). Golongan yang **tidak tersenarai** bagi pengecualian caj kuarantin di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan

Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan Dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin)(No. 2) 2020 dan ingin memohon pengecualian caj kuarantin hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Kewangan, KKM untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

6. Untuk makluman YBhg.Datuk / Dato' / Datin / Dr. / tuan / puan juga, pegawai Kerajaan yang telah tamat bertugas dan kembali ke Malaysia dikehendaki membayar caj kuarantin seperti yang telah ditetapkan mengikut arahan yang telah berkuatkuasa. Permohonan tuntutan bayaran caj kuarantin boleh dibuat kepada jabatan / Kementerian masing-masing.

7. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg.Datuk / Dato' / Datin / Dr. / tuan / puan adalah dimohon untuk menyelaras proses kutipan hasil dan pengecualian di ILA yang telah diwartakan sebagai stesen kuarantin. Pengecualian ini adalah berkuatkuasa mulai **24 Julai 2020**. Kerjasama YBhg.Datuk / Dato' / Datin / Dr. / tuan / puan berkenaan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. UZAILEE BIN ABDUL LATIF)

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k KSU
KPK
TKSU(P)
TKPK (Perubatan)
TKPK (Kesihatan Awam)
TKPK (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi,
01000 Kangar
PERLIS

2. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
KEDAH

3. Pengarah
Jabatan Kesihatan Pulau Pinang
Bangunan MARA, No. 33
Jalan Pangkalan Weld,
10300 PULAU PINANG

4. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 IPOH
PERAK

5. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1
Wisma Sunway, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C
Seksyen 9,
40100 SHAH ALAM
SELANGOR

6. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah,
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN

7. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
**75450 AYER KEROH
MELAKA**
8. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek
80590 Johor Bharu
JOHOR
9. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG
10. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail,
20920 Kuala Terengganu
TERENGGANU
11. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
**15590 KOTA BHARU
KELANTAN**
12. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh,
**88590 KOTA KINABALU
SABAH**

13. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching
SARAWAK

14. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan
Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 KUALA LUMPUR

15. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832
87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENGECUALIAN KOS KUARANTIN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

1. PENGENALAN

Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan Dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin)(No. 2) 2020 telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 24 Julai 2020. Kerajaan telah mewajibkan semua individu yang memasuki Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) menjalani kuarantin wajib selama empat belas (14) hari dengan kos kuarantin ditanggung sepenuhnya oleh individu-individu tersebut.

2. Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan ke Stesen Kuarantin)(No.2) 2020 telah menyenaraikan kategori orang (warganegara Malaysia) yang dikecualikan daripada membayar kos kuarantin iaitu:

- (i) Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*];
- (ii) Warganegara Malaysia daripada golongan B40;
- (iii) Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri atau anak yang berumur 18 tahun ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan B40 yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan B40 itu;
- (iv) Pelajar yang merupakan warganegara Malaysia daripada golongan B40;
- (v) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur enam tahun dan ke bawah;
- (vi) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur dua belas tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri; dan

- (vii) Warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia sebaik sahaja dibebaskan dari penjara di luar negara yang tidak mampu membayar kos dan perbelanjaan di stesen kuarantin atau tiada pendapatan.
3. Kategori orang yang dikecualikan membayar kos kuarantin perlu disahkan permohonan serta status mereka oleh pegawai gred 48 dan ke atas (Bahagian Kewangan KKM atau Jabatan Kesihatan Negeri atau Pegawai Kesihatan Daerah pada peringkat Pejabat Kesihatan Daerah).
 4. Golongan B40 adalah berdasarkan definisi Nasional iaitu mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah **dibawah RM4,849.00***. Semakan boleh dibuat melalui penyata pendapatan / slip gaji bulanan / surat akuan sumpah / portal <https://bsh.hasil.gov.my/>.
- *Sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia*
5. Permohonan pengesahan pengecualian bayaran stesen kuarantin bagi kategori orang yang dikecualikan dari caj kuarantin adalah seperti berikut:

BIL.	KUMPULAN ORANG DIBERI PENGECEUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN	LAMPIRAN
a.	Orang Kelainan Upaya (OKU) warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat	Lampiran A
b.	Kanak-kanak warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara yang berumur 6 tahun dan ke bawah	Lampiran A
c.	Pelajar Warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara yang daripada keluarga B40	Lampiran B
d.	Individu warganegara Malaysia B40 yang pulang dari luar negara	Lampiran C
e.	Keluarga kepada Individu Warganegara Malaysia B40 (Ibu bapa, suami, isteri dan anak-anak di bawah umur 18 tahun-: Warganegara Malaysia) yang pulang bersama dengan Individu Warganegara B40 tersebut dari luar negara.	Lampiran C

BIL.	KUMPULAN ORANG DIBERI PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN	LAMPIRAN
f.	Bekas Banduan Penjara Warganegara Malaysia yang baru dibebaskan dari luar negara dan pulang dari luar negara yang tidak mampu membayar dan tiada sumber kewangan.	Lampiran A
h.	Kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun dan ke bawah dan pulang dari luar negara secara berseorangan.	Lampiran A
i.	Penjaga Warganegara Malaysia dari dalam negara yang perlu menemani PUS Kanak-Kanak warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke bawah yang pulang berseorangan dari luar negara. (Penjaga tersebut menanggung kos makan minum sebanyak RM50 sehari)	Lampiran D

6. Bagi kes-kes rayuan pengecualian bayaran oleh warganegara yang pulang dari luar negara yang terkandas di negara tersebut sehingga kehabisan sumber kewangan atau bagi kes warganegara yang diberhentikan kerja, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada pengecualicovid@moh.gov.my untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Kesihatan. Pemohon perlulah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti di **Lampiran E**.
7. Individu warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara yang perlu melengkapkan tempoh kuarantin melebihi dari 14 hari (bagi kes melibatkan pemanjangan tempoh kuarantin seperti penggenapan tempoh kuarantin dan menunggu keputusan pengujian COVID-19), kos kuarantin individu tersebut bagi hari ke 15 dan hari-hari seterusnya akan ditanggung oleh Kerajaan. Tiada sebarang caj dikenakan kepada individu warganegara tersebut.
8. Carta aliran permohonan pengecualian bayaran kos kuarantin adalah seperti di **Lampiran 1**.
9. Pengecualian ini berkuatkuasa bermula 24 Julai 2020.

LAMPIRAN A

**Permohonan Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin
Bagi Kategori :**

- i) OKU**
- ii) Kanak-Kanak warganegara 6 tahun ke bawah**
- iii) Bekas banduan**
- iv) Kanak-kanak warganegara 12 tahun dan ke bawah (pulang bersendirian)**



**BORANG PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN BAGI KATEGORI OKU/
KANAK WARGANEGARA 6 TAHUN KE BAWAH/ BEKAS BANDUAN/ KANAK-KANAK
WARGANEGARA 12 TAHUN DAN KE BAWAH (PULANG BERSENDIRIAN)**

BUTIRAN PERIBADI (PUS)	
NAMA	
NO.KAD PENGENALAN	
UMUR	
NO PASSPORT	
JANTINA	LELAKI PEREMPUAN
PASANGAN	
NAMA	
NO.KAD PENGENALAN	
UMUR	
NO PASSPORT	
TARIKH MASUK KE STESEN KUARANTIN (QS)	
PENGAKUAN PEMOHON : Semua maklumat yang diberikan pada Borang Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin adalah benar dan jika sekiranya didapati keterangan yang diberikan adalah palsu, maka permohonan ini adalah TERBATAL . * Sila tandakan dokumen pembuktian yang disertakan seperti di lampiran senarai semak <div style="text-align: center;"> (TANDATANGAN) </div> NAMA : TARIKH :	
PENGESEHAN PENERIMAAN DOKUMEN (PEGAWAI BERTUGAS DI QS)	
ULASAN PENGESEHAN PEGAWAI	LENGKAP/ TIDAK LENGKAP
TANDATANGAN PEGAWAI PENERIMA NAMA : TARIKH :
PENGESEHAN PENGECUALIAN KOS KUARANTIN(PEGAWAI GRED 48 DAN KE ATAS)	
KEPUTUSAN	DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN
TARIKH DILULUSKAN	
TANDATANGAN PEGAWAI PELULUS NAMA : TARIKH : COP :

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen	Pemohon (PUS)	Petugas APM/KKM
A. Orang kurang upaya (OKU) 1. Kad OKU berdaftar JKM 2. Kad pengenalan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
B. Kanak-kanak warganegara 6 tahun ke bawah 1. Salinan sijil lahir (dikeluarkan oleh JPN)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
C. Bekas Banduan 1. Kad pengenalan 2. Surat pelepasan penjara (tempoh sah 1 bulan dari tarikh bebas daripada penjara)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
D. Kanak-kanak warganegara 12 tahun dan ke bawah dan pulang secara berseorangan 1. Salinan sijil lahir / kad pengenalan (yang dikeluarkan oleh JPN)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

LAMPIRAN B

**Permohonan Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin
Bagi Kategori Pelajar daripada Keluarga B40**



**BORANG PENGECCUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN BAGI KATEGORI PELAJAR
DARIPADA KELUARGA B40**

BUTIRAN PERIBADI (PUS)		
NAMA		
NO.KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO PASSPORT		
JANTINA	LELAKI	PEREMPUAN
UNIVERSITI		
NEGARA TEMPAT PENGAJIAN		
TAHUN PENGAJIAN		
TARIKH MASUK KE STESEN KUARANTIN (QS)		
NAMA IBU/ BAPA / PENJAGA YANG SAH		
NO.KAD PENGENALAN IBU/ BAPA/ PENJAGA YANG SAH		
PENDAPATAN BULANAN IBU DAN BAPA	Pendapatan Bulanan : Pendapatan dari sumber lain : Bilangan Tanggungan : Nama Tanggungan / Hubungan / No Kad Pengenalan i. ii. iii. iv.	
PENGAKUAN PEMOHON : Semua maklumat yang diberikan pada Borang Semakan Pengeccualian Bayaran Kos Kuarantin adalah benar dan jika sekiranya didapati iketerangan yang diberikan adalah palsu, maka permohonan ini adalah TERBATAL . * Sila tandakan dokumen pembuktian yang disertakan seperti di lampiran senarai semak <div style="text-align: center;"> (TANDATANGAN) </div> NAMA : TARIKH :		

PENGESAHAN PENERIMAAN DOKUMEN (PEGAWAI BERTUGAS DI QS)		
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI	LENGKAP /TIDAK LENGKAP	
TANDATANGAN PEGAWAI PENERIMA	Nama: Tarikh:	
PENGESAHAN PENGECUALIAN KOS KUARANTIN (PEGAWAI GRED 48 DAN KE ATAS)		
KELAYAKAN BAGI KUMPULAN ISI RUMAH B40 (PENDAPATAN ISI RUMAH DI BAWAH RM4,849.00 SEBULAN)	YA	TIADA
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI		
TANDATANGAN PEGAWAI PENGESAH NAMA : TARIKH : COP :	

SENARAI SEMAK DOKUMEN

Dokumen	Pelajar	Petugas APM / KKM
1. Kad pengenalan (MyKad)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Pengesahan tempat pengajian	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Dokumen pengesahan daripada golongan B40 (i) Slip penyata gaji, atau (ii) Pengesahan penerima bantuan Bantuan Sara Hidup, atau (iii) Pengakuan sumpah sekiranya ibu/bapa/ penjaga berpendapatan sendiri.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Akuan sumpah sekiranya PUS di bawah jagaan bukan ibu/bapa atau sijil pendaftaran pengangkatan anak angkat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

LAMPIRAN C

**Permohonan Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin
Bagi Kategori Individu / Keluarga B40**



**BORANG SEMAKAN PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN BAGI KATEGORI
INDIVIDU/ KELUARGA B40**

BUTIRAN PERIBADI (PUS)		
NAMA (PUS)		
NO.KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO PASSPORT		
JANTINA	LELAKI	PEREMPUAN
TARIKH MASUK KE STESEN KUARANTIN (QS)		
NAMA PASANGAN		
NO.KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO PASSPORT		
PENDAPATAN BULANAN IBU DAN BAPA	Pendapatan Bulanan : Pendapatan dari sumber lain : Bilangan Tanggungan :	
SENARAI TANGGUNGAN (IBU,BAPA,PASANGAN, ANAK BAWAH 18 TAHUN)	NAMA	NO. KAD PENGENALAN
	1)	
	2)	
	3)	
PENGAKUAN PEMOHON : Semua maklumat yang diberikan pada Borang Semakan Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin adalah benar dan jika sekiranya didapati keterangan yang diberikan adalah palsu, maka permohonan ini adalah TERBATAL . *Sila tandakan dokumen pembuktian yang disertakan seperti di lampiran senarai semak <p align="center">..... (TANDATANGAN)</p> NAMA : TARIKH :		
PENGESAHAN PENERIMAAN DOKUMEN (PEGAWAI BERTUGAS DI QS)		
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI	Lengkap/TIDAK LENGKAP	
TANDATANGAN PEGAWAI PENERIMA	NAMA : TARIKH :	

**PENGESAHAN PENGECUALIAN KOS KUARANTIN
(PEGAWAI GRED 48 DAN KE ATAS)**

ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI	
TANDATANGAN PEGAWAI PENGESAH NAMA : TARIKH : COP :

SENARAI SEMAK DOKUMEN

Dokumen	Pemohon (PUS)	Petugas APM / KKM
1. Kad pengenalan (MyKad) PUS	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Dokumen pengesahan pasangan dan anak-anak : (i) Sijil nikah / perkahwinan (ii) Sijil kelahiran anak (iii) Kad pengenalan pasangan / ibu bapa	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Dokumen pengesahan daripada golongan B40	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

LAMPIRAN D

**Permohonan Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin
Bagi Kategori Penjaga Warganegara (Menemani PUS
Bawah 12 Tahun)**



**BORANG PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN BAGI KATEGORI PENJAGA
WARGANEGARA (MENEMANI PUS BAWAH 12 TAHUN)**

BUTIRAN PERIBADI (PUS)		
NAMA (PUS)		
NO.KAD PENGENALAN/ SIJIL LAHIR		
UMUR		
NO PASSPORT		
JANTINA	LELAKI	PEREMPUAN
TARIKH MASUK KE STESEN KUARANTIN (QS)		
NAMA IBU/ BAPA / PENJAGA YANG MENEMANI PUS		
NO.KAD PENGENALAN IBU/ BAPA/ PENJAGA YANG SAH		
PENDAPATAN BULANAN IBU DAN BAPA/ PENJAGA	Pendapatan Bulanan : Pendapatan dari sumber lain : Bilangan Tanggungan :	
PENGAUKUAN PEMOHON : Semua maklumat yang diberikan pada Borang Semakan Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin adalah benar dan jika sekiranya didapati iketerangan yang diberikan adalah palsu, maka permohonan ini adalah TERBATAL . * Sila tandakan dokumen pembuktian yang disertakan seperti di lampiran senarai semak <div style="text-align: center;">..... (TANDATANGAN)</div>		
NAMA :		
TARIKH :		
PENGESAHAN PENERIMAAN DOKUMEN (PEGAWAI BERTUGAS DI QS)		
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI	LENGKAP /TIDAK LENGKAP	
TANDATANGAN PEGAWAI PENERIMA	Nama: Tarikh:	
PENGESAHAN PENGECUALIAN KOS KUARANTIN (PEGAWAI GRED 48 DAN KE ATAS)		
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI		
TANDATANGAN PEGAWAI PENGESAH NAMA : TARIKH : COP :	

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN

Kategori	Pemohon (PUS)	Petugas APM / KKM
1. Kad Pengenalan Ibu/bapa/penjaga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Salinan sijil lahir anak (dikeluarkan oleh JPN)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

LAMPIRAN E

**Permohonan Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin
Bagi Kes-kes rayuan pengecualian bayaran oleh
warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara**

- (i) Warganegara yang pulang dari luar negara
yang terkandas di luar negara sehingga
kehabisan sumber kewangan**
- (ii) Warganegara yang diberhentikan kerja**



**BORANG PENGECUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN BAGI KATEGORI
WARGANEGARA YANG PULANG DARI LUAR NEGARA YANG TERKANDAS DI LUAR
NEGARA SEHINGGA KEHABISAN SUMBER KEWANGAN / WARGANEGARA YANG
DIBERHENTIKAN KERJA**

BUTIRAN PERIBADI (PUS)		
NAMA		
NO.KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO PASSPORT		
JANTINA	LELAKI	PEREMPUAN
PASANGAN		
NAMA		
NO.KAD PENGENALAN		
UMUR		
NO PASSPORT		
TARIKH MASUK KE STESEN KUARANTIN (QS)		
PENGAKUAN PEMOHON : Semua maklumat yang diberikan pada Borang Pengecualian Bayaran Kos Kuarantin adalah benar dan jika sekiranya didapati keterangan yang diberikan adalah palsu, maka permohonan ini adalah TERBATAL . * Sila tandakan dokumen pembuktian yang disertakan seperti di lampiran senarai semak <div style="text-align: center;"> (TANDATANGAN) </div> NAMA : TARIKH :		
PENGESAHAN PENERIMAAN DOKUMEN (PEGAWAI BERTUGAS DI QS)		
ULASAN PENGESAHAN PEGAWAI	LENGKAP/ TIDAK LENGKAP	
TANDATANGAN PEGAWAI PENERIMA NAMA : TARIKH :	
PENGESAHAN PENGECUALIAN KOS KUARANTIN (PEGAWAI GRED 48 DAN KE ATAS)		
KEPUTUSAN	DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN	
TARIKH DILULUSKAN		
TANDATANGAN PEGAWAI PELULUS NAMA : TARIKH : COP :	

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen	Pemohon (PUS)	Petugas APM/ KKM
A. Warganegara yang pulang dari luar negara yang terkandas di luar negara sehingga kehabisan sumber kewangan		
1. Dokumen pengenalan diri (Kad Pengenalan dan Passport)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Dokumen Pengesahan Pasangan dan anak-anak (Surat Beranak, Sijil Perkahwinan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Salinan penyata akaun bank		
(i) Keluarga Salinan semua Penyata Akaun bank (3 bulan terkini) dan yang digunakan untuk pembayaran gaji/ Salinan semua simpanan PUS dan Pasangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(ii) Bujang Salinan semua Penyata Akaun bank (3 bulan terkini) dan yang digunakan untuk pembayaran gaji/ Salinan semua simpanan PUS dan Ibu Bapa	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Dokumen pembuktian sekiranya terkandas (seperti tiket penerbangan yang telah dibatalkan, pembuktian resit hotel, kapal terbang dan lain-lain)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Lain-lain dokumen sekiranya perlu	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<p>B. Rakyat Malaysia yang diberhentikan kerja</p>		
<p>1. Dokumen pengenalan diri (Kad Pengenalan dan Passport)</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>2. Dokumen Pengesahan Pasangan dan anak-anak (Surat Beranak, Sijil Perkahwinan)</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>3. Salinan surat tawaran kerja dan salinan surat pemberhentian kerja (tanpa pampasan)</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>4. Salinan permit kerja dan visa</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>5. Salinan penyata akaun bank</p>		
<p>(i) Keluarga Salinan semua Penyata Akaun bank (3 bulan terkini) dan yang digunakan untuk pembayaran gaji/ Salinan semua simpanan PUS dan Pasangan</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>(ii) Bujang Salinan semua Penyata Akaun bank (3 bulan terkini) dan yang digunakan untuk pembayaran gaji/ Salinan semua simpanan PUS dan Ibu Bapa</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>6. Lain-lain dokumen sekiranya perlu</p>		

CARTA ALIRAN PERMOHONAN PENGECCUALIAN BAYARAN KOS KUARANTIN

